

Kaedah NLP: Bantu mantapkan diri, organisasi

UM 07-03-2012 26

KOTA KINABALU 6 Mac - Bahagian Perumahan dan Kebajikan Pelajar (BPKP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan Bengkel Pemantapan Pengurusan Organisasi dan Pembangunan Diri Melalui Kaedah Program Neuro-Linguistik (NLP) baru-baru ini.

Program itu disertai seramai 20 peserta yang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan BPKP dari Kampus Induk UMS Kota Kinabalu dan UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL).

Pengerusi penganjur, Masri Judah berkata, objektif bengkel itu adalah untuk mengintegrasikan aplikasi NLP dan *hypnotherapy* dalam latihan dan komunikasi umum bagi mendapatkan keberkesanan tinggi khusus di kalangan kakitangan BPKP.

"Program itu mampu menambah baik kecemerlangan diri pegawai dan kakitangan bagi membentuk cara ber-



MASRI Judah menyampaikan ceramah kepada para peserta bengkel NLP di UMS, Kota Kinabalu, Sabah baru-baru ini.

fikir yang positif bagi memperolehi kejayaan, memiliki keyakinan tinggi dan harga diri serta mampu meman-

tapkan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) pada masa akan datang," katanya. Beliau berkata demikian ketika

memberikan ceramah pada bengkel berkenaan di Dewan BPKP UMS, di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Ketua Jabatan HEP, Darwis Awang berkata, NLP memainkan peranan penting bagaimana minda beroperasi dan kemudiannya mempengaruhi tingkah laku serta prestasi seseorang.

"Aktiviti seperti ini amat berguna dan memberi input terbaik kepada para peserta untuk menjadi seorang kakitangan yang berkeyakinan tinggi, mampu mengatasi sikap negatif yang menghalang perkembangan diri peserta.

"Selain itu, mereka juga dapat mengenali diri dan orang sekeliling dalam membentuk hubungan erat dan harmoni sesama individu, keluarga dan rakan sekerja," ujarnya.

Sempena dengan bengkel itu juga, peserta didedahkan dengan beberapa ujian dan latihan menggunakan kekuatan minda untuk mempengaruhi tingkah laku dan prestasi seseorang.